

29 MAY 2002

Sarawak-Bidayuh/I

PELAJAR MASYARAKAT BIDAYUH KURANG DI IPTA DAN IPTS

KUCHING, 29 Mei (Bernama) -- Lebih ramai pelajar daripada masyarakat Bidayuh di Sarawak harus melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi, kata Menteri Perumahan Negeri Datuk Michael Manyin hari ini.

Beliau berkata buat masa ini hanya 1.5 peratus daripada sejumlah 167,000 orang Bidayuh di negeri itu berada di institusi-institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan swasta (IPTS) di negara ini.

"Kita perlu menggalakkan lebih ramai anggota masyarakat kita melanjutkan pengajian ke peringkat pengajian tinggi," kata beliau kepada pemberita selepas menyampaikan sumbangan juadah kepada pesakit-pesakit di wad paediatric Hospital Besar Sarawak sempena sambutan Gawai Dayak yang bermula pada 1 Jun.

Manyin berkata tidak ramai anggota masyarakat Bidayuh daripada golongan berada yang sanggup menghulurkan bantuan untuk membantu saudara mereka yang miskin.

"Seminar terakhir yang diadakan oleh Persatuan Kebangsaan Dayak Bidayuh (DBNA) ke arah mempertingkatkan taraf pendidikan merupakan langkah tepat," katanya.

Mengenai kemudahan perumahan, beliau menyeru keluarga-keluarga setinggan untuk berdaftar dengan Suruhanjaya Perumahan Negeri supaya mereka dapat mendiami flat-flat dengan sewa bulanan sebanyak RM150.

Manyin berkata kerajaan berbuat apa sahaja yang boleh untuk menawarkan kemudahan perumahan bagi mereka yang miskin dan berpendapatan rendah.

Beliau berkata kerajaan akan terus memujuk penduduk setinggan untuk berpindah daripada penempatan mereka yang mencacatkan pemandangan.

Permintaan bagi rumah-rumah yang mampu dimiliki di seluruh negeri adalah tinggi walaupun ada laporan menyatakan tiada yang berminat dengannya, kata beliau.

Pemimpin Bidayuh itu juga berkata pertemuan antara Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan pemimpin tertinggi katolik Pope John Paul II adalah satu penghargaan besar bagi negara.

-- BERNAMA

FLL FLL AAM PR